

D.R. 28/2012

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Francais 1998.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Francais (Pindaan) 2012.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 3

2. Akta Francais 1998 [*Akta 590*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 3—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “penjualan” perkataan “dan operasi”; dan

(b) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “Penjualan” perkataan “dan operasi”; dan

(ii) dalam subperenggan (a)(ii), dengan memasukkan selepas perkataan “di dalam” perkataan “atau di luar”.

Pindaan seksyen 4**3. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam takrif “francais”—
 - (i) dalam perenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan “sistem francais;” perkataan “dan”;
 - (ii) dengan memotong perenggan (d) dan (f); dan
 - (iii) dengan menggantikan perkataan “; dan” di hujung perenggan (e) dengan noktah; dan
- (b) dengan memasukkan selepas takrif “perjanjian francais” takrif yang berikut:

““perunding francais” ertinya seseorang yang memberi nasihat dan perkhidmatan perundingan kepada seseorang lain mengenai pendaftaran perniagaan francais dan pematuhan kepada undang-undang yang berhubung dengannya;’.

Penggantian seksyen 6**4. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 6 dengan seksyen yang berikut:****“Pendaftaran pemberi francais**

6. (1) Seseorang pemberi francais hendaklah mendaftarkan francaisnya dengan Pendaftar sebelum dia boleh menjalankan perniagaan francais atau membuat tawaran untuk menjual francais kepada mana-mana orang.

(2) Mana-mana pemberi francais yang gagal mematuhi seksyen ini, melainkan dikecualikan oleh Menteri di bawah seksyen 58, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit; atau

(b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”.

Seksyen baru 6A dan 6B

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6 seksyen yang berikut:

“Pendaftaran pemegang francais pemberi francais asing

6A. (1) Sebelum memulakan perniagaan francais, seseorang pemegang francais yang kepadanya francais diberikan daripada seseorang pemberi francais asing hendaklah memohon untuk mendaftarkan francais itu kepada Pendaftar dengan menggunakan borang permohonan yang ditetapkan dan permohonan itu hendaklah tertakluk kepada kelulusan Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh mengenakan apa-apa syarat bagi kelulusan pendaftaran francais yang disebut dalam subseksyen (1).

(3) Jika seseorang pemegang francais telah mendapat kelulusan daripada pemberi francais asing untuk menjual francais itu, pemegang francais hendaklah mendaftarkan kelulusan itu.

Pendaftaran pemegang francais

6B. Pemegang francais yang kepadanya francais diberikan daripada pemberi francais tempatan atau pemegang francais induk tempatan hendaklah mendaftarkan francais itu kepada Pendaftar dengan menggunakan borang pendaftaran yang ditetapkan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh menandatangani perjanjian antara pemberi francais dengan pemegang francais.”.

Pindaan seksyen 10

6. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 10 dengan seksyen yang berikut:

“Tempoh berkuat kuasa

10. Pendaftaran sesuatu francais hendaklah terus berkuat kuasa melainkan Pendaftar mengeluarkan suatu perintah bertulis kepada pemberi francais, untuk menggantung, menamatkan atau membatalkan kelulusan pendaftaran francais di bawah Akta ini.”.

Pindaan seksyen 11

7. Seksyen 11 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “hendaklah” perkataan “, dengan kelulusan Pendaftar,”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:
 - “(4) Mana-mana orang yang gagal mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan.”.

Pindaan seksyen 12

8. Subseksyen 12(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “, melarang atau menolak penjualan atau” dengan perkataan “atau membatalkan kelulusan”.

Pindaan seksyen 13

9. Seksyen 13 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Pendaftar hendaklah membatalkan pendaftaran francais daripada daftar jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) pemberi francais gagal untuk menyerahkan laporan tahunannya kepada Pendaftar sebagaimana yang ditentukan di bawah seksyen 16 bagi tempoh lima tahun berterusan;

- (b) pemberi francais adalah tidak solven; atau
- (c) pemberi francais tidak lagi memberi hak di bawah francais.”.

Pindaan seksyen 14

10. Seksyen 14 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “broker francais” di mana-mana jua terdapat perkataan “atau perunding francais”;
- (b) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “satu tahun” dengan perkataan “dua tahun”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:
 - “(5A) Broker francais atau perunding francais hendaklah memohon untuk membaharui pendaftaran dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh tamat pendaftaran.
 - (5B) Mana-mana broker francais atau perunding francais yang gagal mematuhi subseksyen (5A) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit.”.

Pindaan seksyen 15

11. Seksyen 15 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “dokumen penzahiran” perkataan “termasuk pindaan kepada dokumen penzahiran yang diluluskan di bawah seksyen 11”; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “dengan pemberi francais itu” perkataan “atau selepas dokumen penzahiran yang diluluskan oleh Pendaftar di bawah seksyen 11, mengikut mana-mana yang berkenaan”; dan
- (b) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dengan memotong perkataan “penzahiran”; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “Pendaftar” perkataan “di bawah seksyen 7”.

Pindaan seksyen 16

12. Seksyen 16 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Pemberi francais hendaklah, dalam tempoh enam bulan dari penghujung setiap tahun kewangan perniagaan francais, mengemukakan laporan kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan.”;
- (b) dalam perenggan (3)(b), dengan menggantikan perkataan “, melarang atau menolak penjualan atau” dengan perkataan “atau membatalkan kelulusan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Mana-mana orang yang gagal mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan.”.

Pindaan seksyen 19

13. Seksyen 19 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “bertulis” perkataan “dalam dokumen penzahiran”.

Pindaan seksyen 20

14. Seksyen 20 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “melanggar Akta ini” dengan perkataan “menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini”.

Pindaan seksyen 26

15. Seksyen 26 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “pemegang francais dan pekerja-pekerjanya” dengan perkataan “pemegang francais, termasuk pengarah, suami atau isteri dan keluarga terdekat pengarah itu, dan pekerjanya”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Pemegang francais dan pekerjanya” dengan perkataan “Pemegang francais, termasuk pengarah, suami atau isteri dan keluarga terdekat pengarah itu, dan pekerjanya”.

Pindaan seksyen 27

16. Seksyen 27 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “pemegang francais dan pekerja-pekerjanya” dengan perkataan “pemegang francais, termasuk pengarah, suami atau isteri dan keluarga terdekat pengarah itu, dan pekerjanya”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Pemegang francais dan pekerjanya” dengan perkataan “Pemegang francais, termasuk pengarah, suami atau isteri dan keluarga terdekat pengarah itu, dan pekerjanya”.

Pindaan seksyen 28

17. Subseksyen 28(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “mengikat” perkataan “pemberi francais atau”.

Pindaan seksyen 29

18. Seksyen 29 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Pemegang francais hendaklah menjalankan perniagaan berasingan daripada pemberi francais, dan hubungan pemegang francais dengan pemberi francais tidak pada bila-bila masa dianggap sebagai perkongsian, kontrak perkhidmatan atau agensi.”.

Pindaan seksyen 31

19. Seksyen 31 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “pemberi francais” perkataan “atau pemegang francais”;
- (b) dalam perenggan (2)(a) dan (2)(b), dengan memasukkan selepas perkataan “kegagalan” perkataan “pemberi francais atau”; dan
- (c) dalam subseksyen (3)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “apabila” perkataan “pemberi francais atau”; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:
 - “(aa) menjadi muflis atau tidak solven;”.

Pindaan seksyen 34

20. Seksyen 34 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Pemegang francais boleh, mengikut pilihannya, memohon untuk melanjutkan tempoh francais dengan memberi notis bertulis kepada pemberi francais tidak kurang daripada enam bulan sebelum tamatnya tempoh francais itu.”.

Pindaan seksyen 37

21. Seksyen 37 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1);
- (b) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “melakukan suatu kesalahan” perkataan “dan boleh, apabila disabitkan—
 - (a) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit; atau
 - (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1), subseksyen yang berikut:

“(2) Subseksyen (1) hendaklah juga terpakai kepada broker francais atau perunding francais.”.

Seksyen baru 37A

22. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 37 seksyen yang berikut:

“Kesalahan bagi mengemukakan diri sebagai francais

37A. Seseorang yang menganggap atau menggunakan berhubung dengan perniagaannya, terma “francais” atau apa-apa terbitannya atau apa-apa juga perkataan lain yang menunjukkan perjalanan perniagaan francais, termasuklah

penggunaan perkataan “francais” atau apa-apa singkatan dengannya sebagai sebahagian daripada nama atau tajuk dalam dokumen, perjanjian, buku, iklan atau penerbitan, tanpa kelulusan pendaftaran oleh Pendaftar di bawah seksyen 8 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit; atau
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 38

23. Seksyen 38 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya”.

Pindaan seksyen 39

24. Seksyen 39 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perenggan (a) dan (b) dengan perenggan yang berikut:
 - “(a) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit; atau

- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun.”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “kesalahan pertama” dengan perkataan “kesalahan di bawah seksyen ini”.

Pemotongan seksyen 55

25. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 55.

Pemotongan seksyen 57

26. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 57.

Pindaan seksyen 60

27. Subseksyen 60(2) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “sepuluh” dengan perkataan “lima puluh”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “lima tahun” dengan perkataan “satu tahun”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Francais 1998 (“Akta 590”).

1. Akta Francais 1998 yang sedia ada memperuntukkan rejim untuk mengawal selia perniagaan francais di Malaysia. Pindaan yang dicadangkan akan memastikan Akta ini selaras dan dikemas kini mengikut pembangunan

semasa perniagaan francais di negara ini. Ia juga dapat memperkuuh Akta ini bagi tujuan pentadbiran yang wajar dan penguatkuasaan undang-undang francais di Malaysia.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 3 untuk meluaskan skop Akta yang dicadangkan supaya meliputi transaksi francais yang diputuskan di luar Malaysia dan dijalankan di Malaysia bagi membolehkan transaksi ini dikawal selia di bawah Akta yang dicadangkan.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk mengukuhkan lagi takrif “francais” bagi memudahkan pendakwaan terhadap kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan dengan mengeluarkan elemen-elemen francais yang tidak penting dalam mentakrif perniagaan francais. Ia juga bertujuan untuk memasukkan takrif perkataan “perunding francais”.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 6 dengan memasukkan keperluan untuk mendaftar francais sebelum pemberi francais boleh menjalankan perniagaan francais atau membuat tawaran untuk menjual francais kepada mana-mana orang. Ia juga bertujuan untuk memasukkan peruntukan kesalahan dan penalti bagi ketidakpatuhan seksyen itu.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 6A dan 6B di bawah Akta yang dicadangkan untuk mewajibkan mana-mana pemegang francais pemberi francais tempatan atau pemegang francais induk tempatan dan mana-mana pemegang francais pemberi francais asing untuk mendaftar dengan Pendaftar.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 10 bagi menjelaskan kuasa Pendaftar untuk menggantung dan menamatkan pendaftaran francais.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 11 bagi mengukuhkan peruntukan ini dengan mewajibkan pemberi francais mendapat kelulusan daripada Pendaftar jika terdapat apa-apa perubahan terhadap dokumen penzahiran.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 12 bagi menjelaskan kuasa Pendaftar menggantung dan menamatkan pendaftaran francais dan bagi tujuan penggubalan yang wajar seksyen ini.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 13 bagi memberi kuasa kepada Pendaftar untuk membatalkan pendaftaran perniagaan francais.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 14 bagi mengawal selia perunding francais di bawah Akta yang dicadangkan. Ia juga bertujuan untuk meminda tempoh pendaftaran bagi broker francais dan perunding francais dari satu tahun kepada dua tahun dan untuk menyediakan asas bagi membaharui pendaftaran. Sekiranya broker francais dan perunding francais gagal membaharui pendaftaran dalam masa yang ditentukan, broker francais atau perunding francais hendaklah didenda.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 15 bagi mengenakan pemberi francais untuk mengemukakan kepada pemegang francais apa-apa pindaan terhadap dokumen penzahiran sepuluh hari selepas kelulusan Pendaftar di bawah seksyen 11.
13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 16 bagi memberi lebih masa kepada pemberi francais untuk mengemukakan laporan tahunannya kepada Pendaftar iaitu daripada tiga puluh hari dari tarikh ulang tahun pendaftaran kepada enam bulan dari penghujung setiap tahun kewangan suatu perniagaan francais. Ini seiring dengan amalan syarikat-syarikat yang dikawal selia di bawah Akta Syarikat 1965. Ia juga bertujuan untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang melanggar peruntukan seksyen ini.
14. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 19 bagi menjelaskan kewajipan pemberi francais untuk menyatakan secara bertulis dalam dokumen penzahiran, dalam keadaan pemberi francais menghendaki apa-apa bayaran daripada pemegang francais sebelum menandatangani perjanjian francais.
15. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 20 bagi tujuan penggubalan yang wajar seksyen ini.
16. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 26 bagi meluaskan skop seksyen ini untuk mencakupi jaminan oleh pemegang francais termasuk pengarah, suami atau isteri dan keluarga terdekat pengarah itu, dan pekerjanya bagi melarang mereka daripada mendedahkan maklumat sulit.
17. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 27 bagi meluaskan skop seksyen untuk mencakupi jaminan oleh pemegang francais termasuk pengarah, suami atau isteri dan keluarga terdekat pengarah itu, dan pekerjanya bagi melarang mereka daripada menjalankan perniagaan yang serupa dalam jangka masa dua tahun selepas luput atau penamatan awal tempoh francais.
18. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda seksyen 28 bagi mengikat bukan sahaja pemegang francais tetapi juga pemberi francais daripada kontrak keluar peruntukan Akta yang dicadangkan.
19. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 29 untuk mengawal selia kelakuan pemegang francais dan untuk memperjelas hubungan antara pemberi francais dengan pemegang francais.
20. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 31 bagi memberi hak kepada pemberi francais dan pemegang francais untuk menamatkan perjanjian francais mengikut seksyen ini. Ia juga bertujuan untuk memasukkan alasan “muflis dan tidak solven” sebagai alasan untuk penamatan.
21. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda seksyen 34 bagi mempertanggungjawabkan pemegang francais untuk memberi notis perlanjutan kepada pemberi francais enam bulan sebelum tamatnya tempoh francais itu.

22. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 37 bagi memperuntukkan penalti kepada seseorang termasuklah broker francais dan perunding francais yang melanggar peruntukan ini.
23. *Fasal 22* bertujuan untuk memperkenalkan seksyen baru 37A bagi memperuntukkan kesalahan pengemukaan diri sebagai francais.
24. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 38 untuk menjadikan penalti bagi kesalahan di bawah seksyen tersebut terpakai di bawah penalti am dalam seksyen 39.
25. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 39 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata di bawah Akta yang dicadangkan.
26. *Fasal 25* bertujuan untuk memotong seksyen 55.
27. *Fasal 26* bertujuan untuk memotong seksyen 57.
28. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda seksyen 60 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan yang telah ditetapkan di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta 590.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan kewangan tambahan.

[PN(U²)2779]